



LAPORAN AKTIVITI BAGI JAWATANKUASA SYARIAH DAN BAHASA MELAYU
(JAWATANKUASA PEGUAM NEGERI SELANGOR)
SESI TAHUN 2025



- Pengerusi** : Nurul Muhaniza Binti Hanafi
- Naib Pengerusi** : Muhammad Izhar bin Mohd Salehuddin
- Ahli Jawatankuasa** :
1. Hj Zainal Abidin bin Shaik Zakaria
 2. Kasmani binti Baharuddin
 3. Nadzifah binti Maarof
 4. W. Asmaliza binti Abdullah
 5. Nor Albina Alleseana binti Mohd Jaib

A. PENDAHULUAN

Jawatankuasa Kecil Syariah dan Bahasa Melayu (JKSBM) merupakan sebuah jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Peguam Selangor yang ditubuhkan bagi memperkukuh hubungan dua hala antara Jawatankuasa Peguam Selangor dengan pihak-pihak berkepentingan dalam perundangan Syariah, serta memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu dalam amalan dan wacana perundangan.

Sepanjang tempoh pelaporan bagi tahun 2025, JKSBM telah melaksanakan beberapa program selaras dengan objektif penubuhannya. Walaupun pelaksanaan program adalah tertakluk kepada kekangan masa, komitmen dan keperluan mendapatkan kelulusan daripada pihak-pihak berkaitan, Jawatankuasa ini telah berusaha melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin.

B. AKTIVITI-AKTIVITI JKSBM SEPANJANG TAHUN 2025

Throughout the term, the CPC conducted several courtesy visits and working meetings with land offices and government agencies. The CPC is pleased to share the following updates with Members on conveyancing practice during the term.

1. Pertandingan Debat Undang-Undang

Pada 18.01.2025, bertempat di Auditorium Jawatankuasa Peguam Selangor, JKSBM telah berjaya menganjurkan Pertandingan Debat Undang-Undang buat pertama kalinya. Pertandingan ini terbuka kepada peguam muda yang mempunyai tempoh amalan tiga (3) tahun ke bawah, pelatih dalam kamar serta pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta daripada Fakulti Undang-Undang.

Penganjuran program ini telah berjaya menerima penyertaan dan maklum balas yang menggalakkan serta kerjasama yang baik daripada semua pihak yang terlibat. Jawatankuasa berpendirian bahawa objektif penganjuran telah dicapai dan program seumpama ini wajar dipertimbangkan untuk diteruskan pada masa hadapan, tertakluk kepada kelulusan dan sokongan pihak berkuasa berkaitan.

2. Program Kebajikan – Majlis Iftar Bersama Anak Yatim

Pada 18.03.2025, JKSBM telah menganjurkan Program Kebajikan sempena bulan Ramadan melalui Majlis Iftar bersama anak-anak yatim dan pelajar tahfiz bertempat di Madrasatul Quran Yaakubiyah, Subang Jaya, Selangor.



Majlis ini telah dihadiri oleh anak-anak yatim, pelajar tahfiz, ahli-ahli Jawatankuasa, peguam-peguam sivil serta Presiden Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor, Puan Yu Ai Ting. Selain majlis berbuka puasa, sumbangan berupa makanan dan duit raya turut disampaikan sebagai sebahagian daripada inisiatif kebajikan dan tanggungjawab sosial Jawatankuasa.

3. Kunjungan Hormat ke Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)

Pada 22.09.2025, JKSBM telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) yang berlangsung di Bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah, Shah Alam, Selangor pada jam 2.30 petang.

Sesi ini telah diketuai oleh Pengerusi JKSBM, Puan Nurul Muhaniza binti Hanafi, bersama ahli-ahli Jawatankuasa dan telah mengadakan pertemuan dengan Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Selangor, Dato' Mohammad Adib bin Husain, serta pegawai-pegawai Mahkamah Syariah Negeri Selangor.

Dalam sesi perbincangan tersebut, beberapa isu telah dibangkitkan untuk perhatian pihak JAKESS, antaranya berkaitan pelaksanaan perintah bagi kes-kes melibatkan harta sepencarian, pelaksanaan perintah nafkah serta cadangan penambahan Mahkamah Tinggi Syariah di negeri Selangor. Sesi ini telah menyediakan platform perbincangan yang konstruktif bagi memperkukuh hubungan profesional antara Jawatankuasa dan pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.

C. AGENDA CADANGAN BAGI SESI 2026

Bagi sesi 2026, JKSBM bercadang untuk meneruskan dan memperluaskan peranan Jawatankuasa melalui agenda-agenda berikut, tertakluk kepada kelulusan dan keadaan semasa:

- i. Penganjuran mesyuarat bersama pihak Jabatan Peguam Negara.
- ii. Penganjuran forum bersama Dewan Bahasa dan Pustaka yang dijangka akan diadakan sekitar Februari 2026.

Agenda-agenda yang dicadangkan ini diharap dapat memperkukuh kerjasama strategik antara Jawatankuasa dengan pihak-pihak berkepentingan, di samping menyumbang kepada penambahbaikan amalan perundangan Syariah serta pemeraksanaan penggunaan Bahasa Melayu dalam konteks perundangan.

D. PENUTUP

Sepanjang tempoh pelaporan bagi tahun 2025, Jawatankuasa Kecil Syariah dan Bahasa Melayu telah berusaha melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan selaras dengan mandat dan objektif penubuhannya. Walau bagaimanapun, disadari bahawa terdapat beberapa program dan inisiatif yang telah dirancang namun belum dapat dilaksanakan dalam tempoh pelaporan ini berikutan kekangan masa, komitmen serta keperluan untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak-pihak berkaitan.

Saya, bagi pihak seluruh ahli Jawatankuasa Kecil Syariah dan Bahasa Melayu Jawatankuasa Peguam Selangor, dengan penuh rasa tanggungjawab merakamkan permohonan maaf atas sebarang kekurangan, keterbatasan dan ketidaksempurnaan dalam melaksanakan amanah sepanjang sesi 2025. Segala usaha yang telah dilaksanakan adalah dengan niat dan keazaman yang terbaik, namun diakui masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Sesungguhnya segala yang baik adalah dengan izin dan rahmat Allah s.w.t., manakala segala



kekurangan adalah berpunca daripada keterbatasan dan kelemahan diri saya sendiri sebagai insan biasa.

Dalam kesempatan ini juga, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua ahli Jawatankuasa serta pihak-pihak yang telah memberikan komitmen, kerjasama dan sokongan berterusan dalam menjayakan program-program Jawatankuasa sepanjang sesi ini.

Penghargaan khas turut ditujukan kepada pihak sekretariat Jawatankuasa Peguam Selangor atas bantuan, bimbingan dan sokongan yang amat dihargai dalam memastikan kelancaran perancangan dan pelaksanaan program-program yang dianjurkan.

Sekian, laporan saya.

Yang benar,

NURUL MUHANIZA BINTI HANAFI

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Syariah dan Bahasa Melayu